

# Gerakkan UMNO untuk Misi Nasional

**JAWAPAN** bertulis wawacara dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Presiden UMNO sempena Sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-60 hari ini.

**Soalan:** Kita lihat bahawa pada masa ini, walaupun orang Melayu lebih senang tetapi semangat memperjuangkan martabat bangsa tidak sehebat semasa penubuhan UMNO dahulu, apa komen Datuk Seri?

**Jawapan:** Saya tak fikir begitu tepat jika kita membuat kesimpulan bahawa perjuangan orang Melayu sekarang tidak sehebat semasa penubuhan UMNO dahulu. Sebenarnya, perjuangan ini berterusan, cuma keperluan dan caranya sudah berbeza. Perjuangan Melayu dan UMNO hendaklah dilihat sebagai satu kesinambungan dari zaman ke zaman.

Saya selalu kata perjuangan UMNO umpama satu *relay* daripada satu generasi ke satu generasi yang berterusan. Setiap generasi mesti menyumbang kepada kejayaan pasukannya secara keseluruhan. Jika ada yang lemah, maka kesannya kepada keseluruhan pasukan dan ini akan menentukan sama ada pasukan akan tewas atau menang.

Untuk menilai semangat dan kejayaan orang Melayu dan UMNO, kita hendaklah melihatnya dalam bentuk Cumulative Grade Point Average. CGPA inilah yang akan menentukan sama ada UMNO lulus dengan Pangkat Satu atau Pangkat Tiga. Sebenarnya, semua generasi membuat sumbangan kepada parti.

Cuma, cabaran-cabarannya yang berubah bentuk, dengan yang sekarang 'variables'nya lebih *sophisticated* dan *complicated* berbanding dengan semasa menuntut kemerdekaan dahulu.

Kalau zaman dulu, yang pada masa itu, kita hanya ingin menuntut kemerdekaan. Sedangkan sekarang, untuk mengisi nilai-nilainya jauh lebih memerlukan kesatuan pemikiran dan keazaman untuk melaksanakannya.

Bagaimana caranya bagi UMNO membangkitkan semangat memperjuangkan martabat bangsa supaya kita mempunyai kekuatan untuk membebaskan bangsa?

UMNO sentiasa konsisten. Dari segi sejarah, perjuangan UMNO diketengahkan dengan semangat keharmonian, kebijaksanaan dan keadilan. Dalam memperjuangkan kekuatan bangsa, UMNO sentiasa memilih untuk menggunakan pendekatan harmoni.

Memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu sentiasa berterusan tetapi dilaksanakan atas prinsip keadilan dengan tidak menafikan hak kaum-kaum lain. Rekod UMNO sebagai parti pemerintah jelas menunjukkan ia sangat memberi nilai tinggi kepada prinsip keadilan demi mencapai keharmonian kaum.

Keadilan ditegakkan bukan sahaja sesama rakyat Malaysia bahkan suara pemimpin UMNO didengar di seluruh dunia - memperjuangkan keadilan manusia sejagat. Ini semua dilakukan dengan penuh kebijaksanaan. Oleh itu pendekatan UMNO sentiasa mengutamakan kebijaksanaan fikiran, bukan dengan cara berlawan 'lengan siapa lebih keras'.

Inilah cara UMNO. Ahli-ahli UMNO tidak pernah rasa rendah diri dengan pendekatan ini. Sebaliknya inilah cara kita - kekuatan kita. Saya yakin, dengan pendekatan politik UMNO, semangat ini akan terus diamalkan di masa akan depan.

Apakah penilaian Datu Seri terhadap pencapaian UMNO sepanjang 60 tahun kewujudannya?

Dasar Negara yang dibuat oleh UMNO sebaik merdeka melakukan kejayaan yang tidak boleh dinafikan. Dari pendekatan yang sangat mudah difahami - iaitu UMNO melancarkan penubuhannya dengan dasar untuk mengisi kemerdekaan dengan dua perkara yang mudah diingat: Pertama Membasmi Kemiskinan dan Kedua Membasmi Buta Huruf.

Hasil jangka panjangnya jelas dari kadar kemiskinan yang sudah melebihi 50% semasa kemerdekaan dicapai dan, hari ini kemiskinan tegar hanya tinggal 1%.

Dalam kejayaan membasmi buta huruf pula dapat dilihat daripada penyertaan Melayu dalam sektor pengajian tinggi yang tidak sampai lima peratus semasa merdeka tetapi sekarang penyertaan bumiputera di pengajian tinggi hampir mencapai penyertaan sebanyak 60 peratus.

Daripada peratusan yang amat kecil, guru-guru di universiti kini kebanyakannya terdiri daripada bumiputera. Pada masa sekarang, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) juga dipenuhi dengan para professor dan saintis bumiputera.

Malah, ketika saya menghadiri satu program yang dianjurkan oleh para saintis, saya melihat terdapat lebih 300 orang Melayu yang ada Ph.D mengahdirinya. Ketua-ketua jabatan dalam pentadbiran kerajaan sekarang juga dapat diisi oleh orang Melayu dan ini memberi gambaran perwakilan komposisi penduduk di negara ini yang secara tidak langsung membuktikan kejayaan perjuangan UMNO.

Ini tidak pernah kita terfikir sebelum merdeka. Yang lebih hebat lagi, sebuah rating agency antarabangsa iaitu Institute of Management Development, pernah melatakkan Malaysia di tempat ketiga dari segi ciri-ciri *competitiveness* dalam aspek kecekapan pentadbiran kerajaan, berbanding dengan negara Britain yang jatuh di tempat kelapan.

Kita telah berjaya menebus maruah kita - bagaimana dulu British yang cuba mengajar kita mentadbir tetapi yang diajarnya kini telah berada di hadapan mereka. Inilah erti



ABDULLAH Ahmad Badawi tiba di Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru bagi menyertai majlis tahlil sempena Sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-60 malam tadi.

kemerdekaan mengikut cara UMNO.

Membuktikan keterbilangannya melalui pemikiran, bukan melalui lengan dan kita perlu terus melipatgandakan usaha kita dengan lebih gigih agar segala jurang yang ada dapat didekatkan. Biar apabila tiba tahun 2020 nanti, bangsa Melayu akan berdiri sama tinggi jika tidak lebih tinggi berbanding bangsa lain.

Apakah peristiwa paling besar dalam UMNO sepanjang 60 tahun ini?

Peristiwa besar dalam UMNO berlaku setiap hari. UMNO terus berjaya mara ke hadapan mencipta kejayaan demi kejayaan dan menghadapi segala halangan dengan kebijaksanaan. Pendekatan yang digunakan dalam menyelesaikan masalah sentiasa bersifat "bagai menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung pula tidak berselerak".

Inilah sebabnya saya katakan peristiwa besar dalam UMNO berlaku setiap hari - iaitu memberi pendidikan penting kepada setiap ahli khususnya dan rakyat Malaysia keseluruhannya supaya mereka matang berekonomi, matang bersosial, matang berpolitik dan matang bernegara.

Bayangkan setelah peristiwa 13 Mei pemimpin UMNO yang berkuasa penuh terhadap negara di bawah kuasa MAGERAN tidak bertanggung lama untuk terus mengembalikan kuasa parlimen berbanding sehingga kuasa di negara lain yang biasanya meminta supaya tempoh sedemikian dipanjangkan.

Maksud saya di sini, saya melihat bukan 13 Mei itu sebagai perkara besar tetapi semangat pemimpin UMNO mengembalikan demokrasi berparlimen daripada MAGERAN kembali kepada kuasa suara rakyat itulah suatu perkara besar yang harus kita war-war dan raikan.

Bolehkah Datuk Seri ceritakan kisah paling awal mengenai UMNO yang Datuk Seri ingat?

Tentulah ingatan saya akan tertumpu kepada zaman kita menuntut kemerdekaan kerana saya melihat sendiri apa yang berlaku di dalam rumah saya yang saya tinggal, bagaimana para pejuang UMNO menggerakkan usaha memerdekakan Malaya.

Bagi Datuk Seri, apakah nilai paling besar yang dipegang UMNO hingga dapat menjadi antara parti paling berjaya di dunia, iaitu telah berjaya mempertahankan kewujudannya selama 60 tahun dan terus-menerus memenangi pilihan raya umum tanpa kalah.

Prinsipnya mudah. Perpaduan. UMNO menjadi pejuang perpaduan orang Melayu dan memperjuangkan perpaduan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Bayangkan tatkala tidak ramai orang Melayu yang pandai atau berkelulusan tinggi, atau ramai juga yang tidak bersenjata, atau tidak berharta tetapi masih dapat menewaskan British untuk merdeka pada tahun 1957. Dengan apa? Bukankah dengan perpaduan semata-mata?

Oleh kerana kita bersatu, penjajah British yang pada waktu itu baru lepas menang Perang Dunia Kedua, dengan morale perang yang cukup tinggi, akhirnya terpaksa akur kepada tuntutan kita untuk merdeka di meja rundingan.

Untuk perpaduan, UMNO adakalanya sanggup berkorban umpama pasukan perang yang sanggup 'retreat' selangkah ke belakang untuk maju ribuan langkah ke

**Peristiwa besar dalam UMNO berlaku setiap hari. UMNO terus berjaya mara ke hadapan mencipta kejayaan demi kejayaan dan menghadapi segala halangan dengan kebijaksanaan. Pendekatan yang digunakan dalam menyelesaikan masalah sentiasa bersifat "bagai menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung pula tidak berselerak"**

hadapan selepasnya. Konsep *Malay dominance* yang dibawa oleh UMNO berbeza dengan konsep *Malay domination*. UMNO tidak *dominate* atau menindas orang lain untuk menegakkan kepentingannya.

Lihat sahaja konsep Barisan Nasional (BN) yang diterajui UMNO, keputusan dicapai dengan kata sepakat atau consensus, dan bukan dengan kuasa autokratik atau undi majority. Kita berpakat membuat keputusan bukan berdasarkan siapa lebih kuat. Kita berpakat membuat keputusan berdasarkan persetujuan yang dicapai semua - yang kecil dan lemah pun mempunyai tempat.

Apakah nilai-nilai yang dipegang oleh ahli UMNO, yang telah berubah, iaitu bila dibandingkan dari masa awal penubuhannya, dan sekarang.

Banyak perubahan nilai yang bertambah baik di kalangan ahli UMNO sekarang seperti sedia bertanding dengan kaum-kaum lain atau rakyat dari negara lain dalam pelbagai bidang.

Misalnya, dalam bidang pendidikan ahli-ahli UMNO telah melalui proses meyakinkan diri yang sangat progresif dan kerana itu, hari ini kita dapat melihat kebanyakan pemimpin UMNO mempunyai kelayakan profesional dan berpendidikan tinggi.

Banyak pemimpin UMNO sekarang adalah orang yang telah berjaya dalam bidang masing-masing.

Namun, pada masa yang sama kita perlu melihat semula nilai lama yang perlu disuburkan kembali iaitu sifat kesukarelawanan. Kita mesti sedia memberi khidmat dengan niat yang jujur dan ikhlas, tanpa mengharapkan sebarang balasan atau ganjaran. Ahli-ahli UMNO mesti menyemai semula sifat ini dalam perjalanan kita mengangkat negara ke status Negara Maju sepenuhnya menjelang 2020.

Ini kerana, salah satu ciri penting sebuah negara maju adalah rakyatnya mempunyai semangat kesukarelawanan yang tinggi. Banyak masalah sesama rakyat dapat diselesaikan oleh rakyat sendiri atas dasar sukarela.

Di negara maju biasanya ada sekelompok besar 'philanthropist' yang sanggup bila-bila masa sahaja tampil ke hadapan menawarkan khidmat sukarela untuk membantu dan menyelesaikan pelbagai masalah.

Dengan cara ini bantuan segera diperolehi oleh mereka yang memerlukan dengan cepat dan pantas.

Peranan kerajaan pula dalam hal ini ialah menjadi fasilitator. Jika ahli-ahli UMNO dapat menjuarai hal ini, UMNO akan mendapat penghormatan yang lebih tinggi dan akan disayangi oleh setiap rakyat.

Apakah cabaran besar yang dihadapi oleh UMNO sepanjang 60 tahun ini, baik dari dalam mahupun luar?

Cabaran besar yang dilalui oleh UMNO

dihadapi oleh UMNO?

Sebagaimana yang saya katakan tadi, cabaran terbesar yang kita hadapi adalah untuk menjadikan negara Malaysia dan bangsa Melayu, sebuah negara dan bangsa yang maju pada tahun 2020. Kita telah meletakkan sasaran tersebut sejak tahun 1990 lagi.

Kini hanya tinggal 14 tahun lagi sebelum 2020 menjelang. Saya selalu katakan bahawa kita telah mendaki lebih daripada separuh perjalanan untuk menuju sebuah puncak.

Perjalanan sebelum ini mungkin landai berbanding cabaran terakhir ini, yang bukan sahaja puncaknya tajam, muka buminya juga semakin payah dan cuacanya juga tentu lebih ganas.

Untuk menghadapi ini semua, seluruh tenaga harus di curahkan jika ingin sampai ke puncak. Berbeza dengan mendaki gunung yang mungkin kumpulan pendaki sudah boleh bersorak jika seorang dua daripada kumpulan mereka sampai ke puncak berbanding pendakian kita yang kita tidak mahu ada seorang pun tercicir daripada sampai ke puncak. Kita mahu semuanya sampai.

Alangkah sedih dan malunya kita jika pada 2020 nanti kita melihat Perdana Menteri Malaysia berucap di Parlimen memohon maaf kepada rakyat Malaysia bahawa pengisytiharan pencapaian status Negara Maju Malaysia perlu ditangguhkan kerana banyak ciri-ciri negara maju belum dapat dicapai.

Seluruh dunia akan melihat dan mendergar permohonan maaf itu. Mungkin penguumuman itu akan disiarkan ke seluruh dunia. Alangkah malunya...

Oleh itu, pada saya cabaran terbesar ialah untuk menetapkan hari ini bahawa 'failure is not an option' atau "kegagalan bukanlah satu pilihan".

Tidak ada pilihan lain melainkan bekerja keras dan bijak untuk mencapai matlamat ini. Inilah yang saya dan ahli UMNO sedang usahakan.

Jika umur panjang, saya ingin melihat sesiapa jua Perdana Menteri Malaysia ketika itu, mengumumkan kejayaan yang telah kita usahakan dengan keras dan idam-idamkan selama ini. Untuk itu, orang UMNO mesti sentiasa menjadi pendahulu dalam usaha ini.

Datuk Seri mengamalkan sikap lebih terbuka dalam pentadbiran kerajaan berbanding dahulu, adakah sikap serupa mahu disemai dalam UMNO?

Tidak wajarlah membandingkan pentadbiran saya sekarang dengan pentadbiran terdahulu. Sebenarnya kerajaan tidak pernah tidak terbuka bagi semua pentadbiran.

Namun jika persepsi awam mengatakn pentadbiran saya sekarang lebih terbuka, alhamdulillah saya gembira.

Saya mengucapkan terima kasih jika ini satu pujian. Kita bercakap mengenai menambah keupayaan setiap rakyat. Bagaimana mahu meningkatkan kapasiti setiap rakyat?

Tentulah dengan memperkasakan mereka untuk membuat keputusan-keputusan sendiri. Kerana itulah, saya mengarahkan setiuh jabatan kerajaan menubuhkan lebih banyak *decision-making centre*.

Bukan menubuhkan jabatan baru ya! Sebaliknya, menurun kuasa membuat keputusan kepada birokrasi yang lebih bawah supaya proses kerja dapat dipendekkan. Ini secara automatic akan meningkatkan kecekapan dan segala urusan dapat diselesaikan dengan lebih pantas.

Namun, sebenarnya, saya terdengar juga kerisauan yang mengatakan saya terlalu terbuka. Mengapa saya bersifat terlalu terbuka? Memang, banyak orang mahu kuasa sebelum kuasa itu diberikan kepadanya tetapi apabila kuasa itu berada benar-benar di telapak tangannya, ia menjadi satu perkara yang menakutkannya pula.

Apabila dia diberi tanggungjawab untuk membuat keputusan dia menjadi resah. Dia tetap mahu bergantung kepada yang atas. Susahlah kerana inilah erti sebenar tanggungjawab.

Orang yang ada keyakinan diri tidak akan takut dengan tanggungjawab. Saya ingin mengajar rakyat supaya mula bertanggungjawab terhadap diri sendiri.

Tentulah saya tidak akan biarkan rakyat bersendirian tanpa panduan tetapi saya mahu kita semua mula belajar erti bertanggungjawab atau *accountability*.

Dalam konteks kita mesti mendaki menuju 2020, kita tidak ada pilihan lain kecuali membuka diri kita untuk boleh bersaing dalam gelanggang yang lebih luas dan terbuka.

Mahu tidak mahu kita mesti lakukan kerana dengan kemajuan teknologi, dunia kian mengecil. Orang sudah panggil dunia hanya sebagai sebuah kampung atau *village* dan kerana itulah, UMNO mesti bersedia untuk lebih terbuka kerana tidak ada pilihan lain.

Datuk Seri mahu rakyat menumpukan terhadap usaha menjayakan RMK-9 sebagai Misi Nasional dalam mencapai Wawasan 2020. Apakah peranan UMNO sebagai parti politik terbesar dalam soal ini?

Peranan utama UMNO ialah menyediakan kepimpinan dalam menggerakkan seluruh rakyat menjayakan apa yang kita rancang. Kejayaan RMK-9 sangat kritikal kepada kejayaan wawasan negara.

UMNO mesti melancarkan kempen besar-besaran untuk menjayakan usaha ini. Kepakaran UMNO berkempen untuk pilihanraya, sekarang mesti digunakan untuk berkempen menggerakkan rakyat tanpa kecuali untuk turut serta dalam pendakian ini supaya nanti apabila sampai tarikh penting itu tidak ada yang tumpang atau tercicir. Semuanya kita bawa bersama.

Kecil besar, tua muda, upaya dan kurang upaya mesti bersama sampai ke puncak. UMNO hendaklah sentiasa menyediakan kepimpinan yang berkesan.

Apakah cabaran besar yang sedang